



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/01/07(HQ)

BEKALAN ELEKTRIK KE SEMUA TIGA NEGERI DILANDA BANJIR HAMPIR PULIH SEPENUHNYA

Setakat jam 12.00 tengah hari ini, kesemua tiga negeri yang dilanda banjir kini hampir pulih bekalan elektrik seperti sedia kala. Kini, sebahagian besar kawasan di Kelantan telah dipulihkan bekalan elektrik dimana lebih 96 peratus pengguna yang terlibat banjir telah mendapat bekalan elektrik semula. Kawasan-kawasan yang telah dipulihkan bekalan elektrik seperti sedia kala termasuklah Machang, Bachok, Tumpat, Tanah Merah, Pasir Mas, Pasir Putih dan sebelum ini Kota Bharu.

Manakala di Negeri Pahang lebih 91 peratus pengguna telahpun mendapat bekalan elektrik. Kini kawasan Kuantan dan Kuala Lipis telah mendapat sepenuhnya bekalan elektrik.

Sementara itu, Perak mencatatkan peratusan pemulihan yang semakin meningkat dimana lebih 88 peratus pengguna di negeri tersebut telah dipulihkan bekalan.

Bilangan Pencawang Elektrik (PE) yang telah dipulihkan di Negeri Kelantan setakat ini ialah sebanyak 1,897 berbanding 1,960, iaitu jumlah keseluruhan PE yang terpaksa dipotong semasa berlakunya banjir. Hanya 63 PE yang masih belum dimulatugaskan kembali.

Di Pahang, jumlah PE yang masih belum dipulihkan menurun kepada 49 setakat ini berbanding 585, iaitu jumlah keseluruhan PE yang dipotong semasa banjir.

Di Perak, jumlah PE yang masih belum dipulihkan berbaki hanya 10 sahaja lagi berbanding 88 yang dipotong bekalan semasa banjir.

“Pasukan teknikal Tenaga Nasional Berhad (TNB) giat memulihkan kerosakan semua pepasangan TNB yang terjejas akibat banjir termasuklah tiang-tiang voltan rendah yang patah, peti pembekal (*feeder pillar*) yang musnah, bagi memastikan bekalan elektrik sampai ke premis setiap pengguna,” kata Pengurus Besar Kanan (Operasi – Wilayah 2), Bahagian Pembahagian TNB, Ir. Abdul Aziz Abdul Majid, yang juga Ketua Koordinator Pengurusan Banjir TNB.

“TNB menasihatkan mangsa-mangsa banjir yang kembali ke premis masing-masing supaya memastikan pendawaian elektrik dan semua peralatan elektrik mereka adalah selamat untuk digunakan.



S.A. 2015/01/07 (HQ)

Kemungkinan besar pendawaian elektrik dan peralatan elektrik yang ditenggelami banjir telah terjejas dan perlu dibersihkan serta diperiksa terlebih dahulu untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini," kata Ir. Abdul Aziz.

Sehubungan dengan itu juga, beliau menasihatkan para pengguna terlibat supaya menggunakan khidmat kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) bagi memeriksa terlebih dahulu pendawaian elektrik dan semua peralatan elektrik untuk selamat digunakan.

Menurut beliau lagi, para pengguna terlibat dinasihatkan mengamalkan tip-tip keselamatan berikut:

- Sebelum menggunakan bekalan elektrik, sistem pendawaian elektrik yang telah terendam dalam air banjir perlu diperiksa dan diuji terlebih dahulu oleh kontraktor pendawaian elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST).
- Disyorkan agar semua peralatan elektrik yang telah terendam dalam air banjir dihantar ke kedai peralatan elektrik untuk pembersihan, pemeriksaan dan pembaikan semula (jika perlu) oleh juruteknik elektrik di kedai berkenaan.
- Jangan hampiri kawasan berair jika terdapat talian elektrik yang terputus dan terjatuh ke dalam kawasan tersebut. Jangan cuba mengalihkan pengalir elektrik berkenaan dengan tangan atau alat yang boleh mengalirkan arus elektrik kerana air merupakan pengalir elektrik dan boleh membawa kepada kecederaan yang tidak diingini.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 7 Januari 2015

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Md Derus Bunchit (019-266 2296) /
Teng Yoon Soon (019-29312280) / Maizatul Nadiah Saadon (017-381 6602)*